



**SIARAN AKHBAR
UNTUK EDARAN SEGERA**

**Theta Edge Berhad Peroleh Kontrak Infrastruktur Telekomunikasi
Menerusi Konsortium Strategik**

KUALA LUMPUR, 01 Julai 2025 - Theta Edge Berhad ("Theta" atau "Syarikat"), melalui anak syarikat milik penuhnya iaitu Theta Technologies Sdn Bhd ("TTSB"), telah berjaya memperoleh kontrak bernilai RM87.9 juta daripada PG LinkaranFibre Sdn Bhd ("LINKARAN") bagi pembekalan, pembinaan dan pentauliahan Infrastruktur Gentian Optik di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Kontrak ini dianugerahkan kepada konsortium strategik antara TTSB dan Harta Unity Sdn Bhd, sekali gus mengukuhkan kedudukan Theta dalam segmen infrastruktur telekomunikasi yang sedang pesat berkembang.

"Kejayaan memperoleh kontrak ini mencerminkan keyakinan pasaran terhadap keupayaan Theta serta rekod prestasi kami yang semakin kukuh dalam melaksanakan projek infrastruktur yang kompleks dan berimpak tinggi. Ia juga menjadi satu lagi langkah penting dalam usaha kami untuk mendapatkan projek-projek yang mampu menjana nilai jangka panjang dan menyokong trajektori pertumbuhan syarikat," kata Datuk Nuraslina Zainal Abidin, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Theta Edge Berhad.

"Kami terus memperkuuh fokus kepada peluang yang selari dengan kekuatan teras kami dalam infrastruktur digital dan teknologi pintar. Kontrak terbaru ini sejajar dengan strategi kami untuk menjana pertumbuhan mampan melalui pelaksanaan yang berdisiplin serta jalinan kerjasama kukuh bersama pihak berkepentingan," tambah Datuk Nuraslina.

Projek ini akan bermula pada 1 Julai 2025 dan merangkumi skop kerja yang menyeluruh meliputi pembekalan, pembinaan, pentauliahan serta penyerahan rangkaian gentian optik yang lengkap, beroperasi sepenuhnya dan mematuhi piawaian. Struktur kontrak jumlah harga tetap ini memberikan kepastian hasil yang jelas serta meningkatkan profil pendapatan Kumpulan bermula tahun kewangan semasa.

Kerjasama ini dimeterai susulan Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 Theta Edge Berhad yang diadakan baru-baru ini, di mana Datuk Nuraslina Zainal Abidin, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Theta Edge Berhad, telah membentangkan rangka kerja strategik Kumpulan bagi tahun 2025 yang bertemakan "*Rebuild, Re-focus, Realize.*" Rangka kerja ini memberi penekanan kepada penjanaan hasil, disiplin kos dan penajaran strategik. Sejajar dengan fasa baharu ini, Theta Edge turut memperluaskan fokus komersialnya bagi meneroka peluang dalam sektor swasta dan pasaran serantau, dengan memanfaatkan harta intelek serta kerjasama strategik yang dibina sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini.

Tiada kepentingan daripada pengarah atau pemegang saham utama dalam kontrak ini.

Theta kekal komited untuk melaksanakan projek-projeknya dengan cemerlang serta terus memberikan nilai yang konsisten kepada para pemegang saham dan rakan strategik.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Azzatullina Pawanchik | azzatullina.pawanchik@theta-edge.com
Rashid Ramli | rashid.ramli@theta-edge.com

Komunikasi Strategik Kumpulan, Theta Edge Berhad

Mengenai Theta Edge Berhad

Theta Edge Berhad merupakan peneraju dalam penyediaan penyelesaian teknologi dan transformasi digital di Malaysia, komited untuk menawarkan solusi yang pintar, berskala dan mampan merentasi pelbagai industri. Berteraskan kecemerlangan dan inovasi, syarikat ini telah berkembang daripada tumpuan asalnya kepada projek berdasarkan kerajaan kepada model perniagaan berdasarkan platform yang dinamik, merangkumi pasaran B2B dan B2C dengan penekanan strategik terhadap Bandar Pintar, Kesihatan Digital, Mobiliti Pintar dan Wawasan Berasaskan Data.

Dipandu oleh visi untuk memperkasakan penerimangunaan teknologi demi masa depan yang mampan, Theta Edge Berhad memanfaatkan kepakarannya dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), Internet Benda (IoT), keselamatan siber dan perkhidmatan berdasarkan awan bagi memperkasa perniagaan, agensi kerajaan dan komuniti. Disokong oleh tenaga kerja berkemahiran tinggi serta rangka kerja operasi yang fleksibel, syarikat ini terus komited dalam memacu pertumbuhan mampan, penyelesaian inovatif dan aliran pendapatan berdaya tahan yang membentuk masa depan teknologi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami. www.theta-edge.com